

Pahang bantu anak kematian ibu bapa

Oleh [Asrol Awang](#) - September 1, 2021 @ 6:05pm
bhnews@bh.com.my



Syed Ibrahim (dua dari kiri) meninjau operasi di Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan Barat. - Foto NSTP/Asrol Awang

KUANTAN: Seramai 75 anak yang menjadi yatim piatu disebabkan ibu bapa meninggal dunia akibat COVID-19 di Pahang, bagi memastikan kebajikan mereka terbela.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pelajaran Pahang, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad, berkata kerajaan negeri melalui Yayasan Pahang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan membantu anak-anak berkenaan.

Katanya, bantuan yang akan disalurkan Yayasan Pahang ialah biasiswa sekolah rendah dan menengah, manakala JKM pula bantuan bulanan.

"Bantuan ini diharap membantu kerana mereka tinggal bersama ibu saudara, nenek dan ibu angkat," katanya pada sidang media selepas meninjau operasi Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan Barat, di sini, hari ini.

Syed Ibrahim berkata, penubuhan pejabat itu hasil inisiatif Pemangku Raja Pahang, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al Sultan Abdullah Riayatuddin Al Mustafa Billah Shah.

Katanya, baginda menzahirkan pendapat pentadbiran agama Islam daerah Kuantan perlu diperluas memandangkan jumlah penduduk yang semakin ramai.



Pahang membantu anak-anak kematian ibu bapa kerana COVID-19. - Foto hiasan NSTP/HAZREEN MOHAMAD